

Raja Jadi Rakyat, Rakyat Jadi Raja*



ATO' Onn berkata Kongres Melayu yang diadakan di Kuala Lumpur itu bukan sahaja merebak-rebak di Tanah Melayu tetapi adalah ke seluruh dunia. Kongres itu telah menunjukkan kepada orang lain dan kepada kerajaan lain bahawa dalam tahun 1946 bangsa Melayu telah bersatu, bersatu tujuan menjaga hak dan faedah bangsa dan keselamatan tanah air.

Kongres Melayu itu tinggi namanya bukan sahaja di sini, bukan sahaja di pusat kerajaan British di London tetapi di seluruh dunia dan dalam surat-surat khabar yang besar di England.

Dengan mansuhnya Kongres yang digantikan dengan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu diharap dan diminta persekutuan-persekutuan dan orang Melayu tidak melemahkan semangat kerjanya, usahanya dan tujuannya serta niat pada memajukan cita-cita bangsa Melayu, kata Dato' Onn.

Menyambung ucapannya, katanya beliau percaya bangsa Melayu akan lebih kukuh, kuat cita-citanya serta meminta tiap-tiap persekutuan membantu, menyokong dan bekerja dengan kuatnya kerana bangsa.

Dato' Onn menyeru supaya orang Melayu bertambah-tambah semangatnya dan berkata ada dua tempat orang Melayu hendak bertenggek: satu kepada jiran, satu kepada musuh Melayu.

Katanya, janganlah kiranya hendak mengejar pangkat sahaja dengan membelakangkan bangsanya kerana dengan malangnya saya bercakap iaitu di Tanah Melayu ini ada orang yang rupa Melayu,

* Ucapan di Kongres Melayu yang ketiga di Istana Besar Johor Bahru, pada 11 dan 12 Mei 1946. Ucapan ini disampaikan pada jam 3.15 petang sewaktu memansuhkan Kongres Melayu dan melahirkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

berkulit Melayu dan segalanya Melayu tetapi dukacita disebutkan 'hatinya bukan hati Melayu'.

Mengenai perkara bergabung, Dato' Onn yang telah menyentuh tentangnya dalam Kongres tergepar di Kuala Lumpur, meminta sekalian orang Melayu bergabung kerana membantah Malayan Union. Tetapi, katanya, 'Alangkah malangnya, ada beberapa orang Melayu yang tidak mengikut kerana kononnya segan kepada orang asing tetapi mereka tidak segan kepada bangsanya sendiri'.

'Bertaubatlah', kata Dato' itu lagi. Jika belum ada perasaan kebangsaan dan tanah air dan semata-mata kerana dirinya sendiri diminta supaya orang itu berfikir panjang dan bertaubatlah. Masuklah semula ke dalam persatuan-persatuan dan bersatulah.

Ucapan seterusnya:

'Saya berharap dalam masa yang sedikit lagi jadi satu tujuan, kerana itu mustahak menunjukkan persatuan yang padu bukan sahaja persatuan antara raja dengan rakyat tetapi rakyat dengan raja. Saya suka menyebut bahawa rakyat jadi raja dan raja menjadi rakyat. Tujuannya supaya dapatlah pekerjaan dijalankan dengan bersatu. Saya percaya raja di Tanah Melayu ini tidak lagi akan membelakangkan rakyat seperti dahulu, tetapi hendaklah raja-raja itu ikhlas dan bertambah-tambah mengasihi rakyat.

'Saya tahu ada berbunyi pihak yang tidak menyebelah pada Melayu hendak memberitahu kepada dunia bahawa bantahan daripada kita itu bukan bantahan rakyat tetapi raja. Kita nafikan itu kepada dunia yang menuntut hak bukan raja, melainkan rakyat.'

Ketika menutup ucapannya, Dato' Onn mengalu-alukan kedatangan UMNO dan memberi selamat tinggal kepada Kongres Melayu.